

# Teruja saksikan pertandingan kucing

**Serdang:** Pelbagai gelagat haiwan termasuk kucing yang dipamerkan pada Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen (EPPK) ke-43, Universiti Putra Malaysia (UPM) menanti pengunjung sepanjang ekspo itu berlangsung dari 15 hingga 20 November ini.

Pengerusi EPPK ke-43, Dr Yahya Awang berkata, selain pameran pelbagai aktiviti yang boleh disertai pengunjung turut disediakan seperti *petting zoo* untuk membolehkan kanak-kanak berinteraksi dengan haiwan kecil seperti rusa, kambing dan arnab.

“Pengunjung pasti teruja menyaksikan pertandingan kucing yang dikelolakan kumpulan penggemar kucing selain terdapat pameran 15 jenis ayam ek-

sotik,” katanya.

Selain itu, tinjauan Metro Ahad mendapati, pelbagai inovasi produk yang dihasilkan dipamer pada EPPK ke-43 dan paling menarik perhatian adalah Thohira Sinbiotik Go3, satu teknologi yang dirumus khas untuk spesies akuatik termasuk ternakan ikan dan udang.

Produk dihasilkan Prof Dr Shuhaimi Mustafa dari Institut Penyelidikan Produk Halal UPM itu dilesenkan kepada syarikat Halways Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat di bawah program Innohub Putra Science Park UPM.

Ketua Pegawai Eksekutif Halways, Dr Muhamad Akhmal Hakim Roslan berkata, Thohira Sinbiotik satu produk campuran probiotik dan prebiotik.